

# e-Buletin JSKM

EDISI  
APRIL  
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



*Menyemai Harapan,*

## MENYANTUNI PEJUANG KECIL

*Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.*

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS  
APRESIASI JSKM  
2026

Laporan

RAFAH YANG  
DIRATAH TIDAK  
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI  
PASIR DAN  
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

# Satu Pasukan, Satu Penghargaan

Oleh:


**Ts. Azlina Mohd Mydin &  
Ts. Wan Anisha Wan Mohammad**

Majlis Apresiasi merupakan satu program penting yang dianjurkan sebagai tanda penghargaan kepada semua warga kerja atas komitmen dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang tahun. Bagi memastikan majlis ini berjalan lancar dan teratur, persediaan rapi telah dilakukan oleh ahli jawatankuasa yang dilantik. Majlis Apresiasi JSKM diketuai oleh Ts. Azlina Mohd Mydin dan terdapat 18 orang AJK yang bertungkus lumus menjayakan majlis ini. Dr. Norhanim sebagai penaung yang sentiasa memberi nasihat dan memantau perjalanan program. Fuziyatul bertindak sebagai setiausaha yang menguruskan segala surat berkaitan majlis ini. Siti Mariam memegang jawatan bendahari yang akan menguruskan kewangan program majlis ini.

Dalam menjayakan sesuatu program atau penilaian di peringkat jabatan, peranan Ahli Jawatankuasa (AJK) penjurian amat penting bagi memastikan proses penilaian berjalan secara telus, sistematik dan teratur. Bagi program yang dianjurkan oleh warga Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), AJK penjurian yang terdiri daripada Ts. Azlina dan Siti Mariam telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh komitmen dan profesionalisme.



Sebagai langkah awal, Ts. Azlina dan Siti Mariam telah menyediakan *Google Form* sebagai instrumen utama penilaian. Penyediaan borang ini dirancang dengan teliti bagi memastikan setiap kriteria dinilai secara menyeluruh dan adil. Item-item penilaian disusun mengikut kategori yang telah ditetapkan supaya memudahkan para juri memberikan markah secara sistematik. Selain itu, penggunaan platform dalam talian ini juga membantu mempercepatkan proses pengumpulan data serta meminimumkan kesilapan dalam pengiraan markah. Setelah semua maklumat diterima melalui *Google Form*, AJK penjurian seterusnya menjalankan proses analisis dan penilaian. Data yang diperolehi disemak dengan rapi sebelum dimuktamadkan bagi memastikan ketepatan keputusan.



“Sikap teliti dan kerjasama yang baik antara kedua-dua AJK ini telah memastikan keputusan yang dibuat adalah berasaskan merit dan memenuhi garis panduan yang ditetapkan.”

Bagi kategori penerbitan pula, Dr. Siti Nurleena telah memainkan peranan penting dengan mengumpulkan semua maklumat dan dokumen yang diperlukan daripada para peserta. Maklumat yang lengkap dan tersusun ini sangat membantu AJK penjurian dalam membuat penilaian yang lebih tepat dan menyeluruh. Kerjasama antara Dr. Siti Nurleena dan AJK penjurian membuktikan bahawa komunikasi yang berkesan mampu melancarkan keseluruhan proses.

Selain itu, AJK sijil yang terdiri daripada Saiful Nizam, Norshuhada dan Noor Azizah turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Mereka bertanggungjawab menyediakan sijil dalam bentuk hard copy untuk tujuan penyampaian rasmi serta *soft copy* yang dimuat naik ke dalam *Google Drive*. Penyediaan sijil secara digital ini memudahkan warga JSKM untuk mengakses dan memuat turun sijil pada bila-bila masa. Usaha ini bukan sahaja menjimatkan masa, malah lebih sistematik dan mesra pengguna.

Cenderahati khas untuk penerima anugerah pula telah dibelikan dan disediakan oleh Ts. Wan Anisha, Rafizah dan Ts. Azlina. Mereka telah menguruskan pemilihan, pembelian serta penyediaan cenderahati dengan penuh dedikasi bagi memastikan ia kelihatan eksklusif dan bermakna kepada penerima. Usaha dan komitmen mereka amat dihargai dalam memastikan majlis berjalan dengan sempurna.

Selain itu, pembelian *door gift* turut diberi perhatian agar setiap tamu yang hadir menerima cenderamata sebagai tanda penghargaan. Pemilihan *door gift* dibuat dengan teliti supaya sesuai, bermanfaat dan meninggalkan kenangan manis kepada para penerima.

Dari segi hiasan pula, perancangan dekorasi Bilik DePauh Garden dilakukan bagi mewujudkan suasana yang elegan dan ceria. Hiasan bertemakan bunga dan warna lembut telah dipilih bagi menaikkan seri majlis. Tiang-tiang bulat dihias dengan lilitan kain yang kemas serta ditambah dengan bunga bagi menampakan sentuhan kreatif dan eksklusif. Susunan bunga di meja tetamu juga diatur dengan teliti bagi memastikan suasana lebih menarik dan harmoni. Persediaan dan hiasan ini telah dilaksanakan hasil kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada ahli jawatankuasa iaitu Syafiq, Fahmi, Syarifah Sarima, Mahanim, Astifar, Rafizah, Wan Anisha dan Hafizah. Mereka bersama-sama merancang konsep, menyediakan bahan hiasan serta memastikan setiap sudut bilik dihias dengan sempurna.



Pengacara majlis perlu membuat persediaan rapi sebelum majlis berlangsung dengan memahami skrip, menyemak sebutan nama, mengetahui susunan acara serta berlatih bagi memastikan penyampaian yang lancar. Kerjasama yang baik dengan jawatankuasa teknikal dan urusetia juga amat penting supaya setiap peralihan segmen berjalan dengan sempurna. Terdapat 3 orang pengacara majlis untuk Majlis Apresiasi JSKM kali ini yang terdiri daripada Syarul Heiry, Dr. Wan Nurshaziayani dan Nur Azimah. Ahmad Rashidi dan Mawardi pula memainkan peranan AJK teknikal. Mereka juga sibuk menguruskan sesi fotografi sepanjang majlis untuk dijadikan kenangan.

Secara keseluruhannya, penyediaan Majlis Apresiasi JSKM bukan sahaja melibatkan aspek teknikal dan logistik, malah memerlukan perancangan yang teliti, kreativiti serta kerjasama berpasukan. Semangat kerjasama yang ditunjukkan membuktikan kesungguhan mereka dalam menjayakan Majlis Apresiasi JSKM 2026 kali ini. Diharapkan majlis yang telah dianjurkan ini dapat memberi kenangan yang indah kepada semua yang hadir.



اَبُو بَكْرٍ مَرْكُوبٌ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

**Unit Penerbitan e-Buletin**  
**Jabatan Sains Komputer dan Matematik**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**  
**13500 Permatang Pauh**  
**Pulau Pinang**

eISSN 2637-0077



9 772637 007004